

11/06/2001

Pegawai kanan polis mungkin terajui Jabatan Penjara

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Belum sampai empat tahun jawatan ketua pengarah Jabatan Penjara dikembalikan kepada pegawai kanan jabatan itu, kini timbul ura-ura ia akan diserahkan semula kepada pegawai kanan polis.

Jika beberapa isu, termasuk layanan istimewa ke atas banduan pada 1980-an dikaitkan dengan keputusan kerajaan melantik pegawai kanan polis menerajui jabatan itu pada 1990, kali ini ia dikaitkan dengan isu yang sama.

Peralihan jawatan tertinggi Jabatan Penjara itu kepada pegawai kanan polis dijangka berlaku apabila tempoh kontrak Ketua Pengarah Penjara, Datuk Omar Mohamed Dan, sekarang tamat bulan depan.

Difahamkan, Omar sudah membuat keputusan tidak akan menerima tawaran melanjutkan perkhidmatannya jika ditawarkan sekali lagi.

Sumber-sumber pegawai kanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) berkata, disebabkan isu layanan istimewa ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim, perubahan itu mungkin berlaku seperti yang pernah dibuat pada 1 Mac 1990.

Isu layanan istimewa ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri yang sedang menjalani hukuman penjara selama 15 tahun, menyebabkan Jabatan Penjara dikritik hebat.

Pegawai kanan KDN juga sudah mengadakan perjumpaan dengan pegawai Jabatan Penjara berhubung perkara itu. Selain itu, beberapa nama pegawai kanan polis sudah dikenal pasti untuk dipertimbangkan memegang jawatan berkenaan.

"Pertukaran pucuk pimpinan Jabatan Penjara dipercayai ada kaitan dengan dakwaan layanan istimewa yang diberikan kepada Anwar walaupun ia dilakukan mengikut peraturan penjara," kata sumber berkenaan.

Sebelum ini, pegawai kanan polis pernah dilantik sebagai ketua pengarah Jabatan Penjara selama lapan tahun sebelum diserahkan semula kepada Omar pada 1 Januari 1998.

Pada 1 Mac 1990, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri, melantik pegawai kanan polis, Datuk Yassin Jaafar sebagai Ketua Pengarah Penjara ekoran beberapa isu khususnya kejadian banduan lari, dakwaan penyeludupan dadah dalam penjara dan kes banduan diberi layanan istimewa.

Ini diikuti pelantikan Datuk Mohd Zaman Khan pada 9 Februari 1994 sebelum jawatan itu diserahkan semula kepada Omar pada Januari 1998.

Pelantikan dua pegawai kanan polis mengetuai jabatan itu bertujuan memulihkan imejnya yang tercalar berikutan kes-kes itu. Selepas lapan tahun diterajui pegawai kanan polis, imej jabatan itu berjaya dipulihkan.

Pada majlis serah tugasnya pada Disember 1997, Mohd Zaman ketika ditanya keputusan kerajaan mengembalikan jawatan itu kepada pegawai kanan penjara, berkata ia memang wajar kerana mereka terlatih dan memahami masalah kepenjaraan.

Secara simbolik beliau turut mengingatkan pegawai kanan penjara supaya menguruskan institusi berkenaan sebaik mungkin supaya tidak timbul sebarang masalah sehingga menyebabkan ia diserahkan kepada 'orang lain' untuk diuruskan.

"Sudah kena banjir sekali, jadi jangan banjir datang lagi. Rumah terbakar sekali, jagalah pendawaian kita supaya tidak terbakar lagi, nanti orang lain pula ambil alih pula tempat itu,".

Sementara itu, pegawai kanan penjara berkata, pelantikan pegawai kanan polis menerajui jabatan berkenaan adalah satu tamparan hebat kepada kira-

kira 9,200 kakitangan penjara.

"Sebaik-baiknya biarlah pegawai kanan penjara yang memegang jawatan berkenaan kerana mereka lebih memahami dan terlatih dalam aspek kepenjaraan," katanya.

(END)